

## **Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Quran dan Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Dusun di Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Ranau, Sabah**

*The Level of Mastery of Quran and Arabic Language Skills Among Dusun Students at Al-Irsyadiah Religious Secondary School Ranau, Sabah*

**Nurulhuda Burhanuddin & Muhammad Akramin Kamarul zaman\***

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Correspondence: [akramin@fsk.upsi.edu.my](mailto:akramin@fsk.upsi.edu.my)

**Received:** 17 August 2025; **Revision:** 01 December 2025 **Accepted:** 08 December 2025; **Published:** 16 December 2025

**To cite this article (APA):** Burhanuddin, N., & Kamarul zaman, M. A. (2025). Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Quran dan Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Dusun di Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Ranau, Sabah. AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture, 3(2), 112-123. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.10.2025>

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran al-Quran dan bahasa Arab, dan hubungan terhadap kedua-dua aspek tersebut dalam kalangan pelajar Dusun di Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Ranau, Sabah. Responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan tiga dan tingkatan empat yang dikhususkan hanya kepada pelajar yang berbangsa Dusun. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Data kajian telah dikutip dengan menggunakan soal selidik. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian perisian *Statiscal Packages for Sosial Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, nilai min dan korelasi. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan al-Quran dan bahasa Arab dalam kalangan responden di tahap tinggi dengan nilai purata min=3.77. Manakala tahap penguasaan bahasa Arab berada di tahap sederhana dengan nilai purata min=3.65. Kajian ini juga mendapati penguasaan al-Quran dalam kalangan responden mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Arab ( $r=0.93$ ,  $p<0.01$ ). Implikasi kajian menunjukkan keperluan penambahbaikan yang berterusan dalam penguasaan al-Quran dan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di sekolah.

**Kata kunci:** Al-Quran, Bahasa Arab, Kemahiran, Penguasaan.

## **Abstract**

This study aims to identify the levels of proficiency in Quranic skills and Arabic, as well as the relationship between these two aspects among Dusun students at Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Ranau, Sabah. Respondents were selected using a random sampling method. The study involved Form Three and Form Four students, specifically limited to those of Dusun ethnicity. A survey research design with a quantitative approach was employed. Data were collected using a questionnaire and analysed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to obtain frequencies, percentages, mean scores, and correlations. The findings indicate that respondents' level of Quranic proficiency is high, with an average score of 3.77. In contrast, Arabic proficiency is moderate, with an average score of 3.65. The study also reveals a significant relationship between Quranic proficiency and Arabic language proficiency among the respondents ( $r = 0.93$ ,  $p < 0.01$ ). The implications highlight the need for continuous improvement in students' mastery of the Quran and the Arabic language at the school.

**Keywords:** Quran, Arabic language, Skill, Dusun Student, Mastery.

## **Pendahuluan**

Sumber utama bagi umat Islam adalah al-Quran. Al-Quran merupakan wahyu yang lengkap dan kitab terakhir yang diturunkan kepada Rasulullah saw untuk semua umat manusia di dunia agar tunduk dan akur kepada Allah yang Maha Esa. Al-Quran ini juga merupakan risalah dan kalam Allah swt yang telah diturunkan dalam bahasa Arab. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf, ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

**Terjemahan:** “*Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk memahaminya)*”.

Bahasa Arab yang juga merupakan bahasa al-Quran ini adalah antara bahasa asing yang telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat yang akan membolehkan para pelajar dapat menguasai empat kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, berkomunikasi, membaca dan menulis. Penggunaan teknik pembelajaran yang sesuai akan memudahkan lagi kefahaman dan penerimaan pelajar dalam memaksimumkan kemahiran yang akan diperolehi antaranya adalah melalui penguasaan pelajar terhadap hafazan-hafazan al-Quran. Ayat-ayat Quran yang telah dihafaz secara tidak langsung dapat membantu mereka dalam menambahkan lagi hafazan kalimah atau *mufradat-mufradat* bahasa Arab, gaya bahasa yang juga dikenali sebagai uslub Al-Quran. Ia juga akan memberikan kelebihan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Arab pelajar.

## **Latar Belakang Kajian**

Bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran. Ia merupakan antara bahasa tertua di dunia. Terdapat banyak kepentingan dan manfaat apabila kita mahir dalam penguasaan Al-Quran. Di Malaysia, telah terdapat banyak usaha yang dijalankan melalui kurikulum pendidikan, bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah, yang mana antaranya adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar mahir dan menguasai al-Quran serta bahasa Arab di (Saini

Ag. Damit, Noorafini Kassim & Nor Ain Manap, 2016; Wiwin Dita Wahyu Triningsih, 2017; Hasani Ghazali & Rosmawati, 2023).

Oleh itu, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan antara kurikulum yang telah dilaksanakan sejak tahun 2015 di sekolah-sekolah agama termasuklah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri dan juga Sekolah Agama Rakyat, bagi mengganti serta menambah baik kurikulum lama iaitu Kurikulum Azhari yang sedia ada. Di Negeri Sabah, hanya terdapat dua buah sekolah yang menggunakan KBD sebagai kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran. Salah satunya adalah Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Ranau, Sabah (SMAIRA) (Kamarulzaman Abdul Ghani et al., 2018). Sebahagian besar murid di sekolah tersebut terdiri daripada kaum Dusun.

Kaum Dusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di negeri Sabah. Majoriti daripada etnik ini telah memeluk agama Islam di samping ada yang menganut agama-agama lain. Walau bagaimanapun, kesinambungan kepercayaan tradisional (Animisme) masih terus dilestarikan dan dipelihara dalam kehidupan sosiobudaya mereka. Menurut mitos dan lagenda masyarakat Dusun, etnik ini berasal daripada suatu kawasan yang dikenali sebagai Nunuk Ragang yang terletak di Kampung Balinsok daerah Ranau (Syamsul Azizul Marinsah, Abdul Hair Beddu Asis, & Mohammad Firdaus Hashim, 2022).

Rentetan itu, masyarakat Dusun ini juga sinonim dengan panggilan masyarakat yang sering tinggal di lereng-lereng banjaran Crocker seperti di daerah Ranau, Tambunan dan Keningau, yang juga mempunyai kearifan lokal dalam memelihara dan melestarikan alam sekitar. Alam semula jadi seperti sungai, hutan, tanah, angin, batu-batuan, binatang dan apa sahaja yang berkaitan dengan alam sekitar adalah sangat dekat sehingga mereka digelar sebagai orang Dusun yang bermaksud kebun atau kawasan pedalaman oleh Orang Melayu Brunei semasa pantai barat Sabah diperintah oleh Kesultanan Brunei dan panggilan dusun ini dilanjutkan semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU), sehinggalah kini (Minah Sintian, 2013).

Justeru, kajian ini juga amat penting dalam mengetahui kepentingan mempelajari bahasa Arab dan mempelajari ilmu-ilmu al-Quran, seterusnya akan dapat menimbulkan kesedaran dalam diri agar lebih terdorong untuk mempelajari bahasa Arab dan al-Quran ke arah menjadi seorang muslim yang baik. Dengan ini juga, perkembangan pendidikan al-Quran dan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dusun akan dapat diperbaiki dan dipertingkatkan dengan lebih baik pada masa akan datang. Para guru akan dapat memberikan pengajaran yang efektif dan berkualiti dalam membimbing para pelajar untuk menguasai etika bacaan al-Quran dan pembelajaran bahasa Arab dengan lebih baik agar kemahiran tersebut dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Contohnya, guru akan lebih kreatif dalam mengaitkan penguasaan al-Quran yang sedia ada, dalam pembelajaran bahasa Arab, kerana mereka yang mempelajari bahasa al-Quran juga secara tidak langsung dapat menambahkan lagi kefasihan mereka dalam pembacaan teks-teks Arab (Ku Fatahiyah et al., 2019).

### **Permasalahan Kajian**

Usaha untuk melahirkan pelajar-pelajar yang menguasai bacaan al-Quran dan bahasa Arab telah dilaksanakan di dalam kurikulum Pendidikan Islam bermula di peringkat rendah hingga ke peringkat menengah. Namun, isu kemahiran membaca yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan tartil dalam kalangan pelajar Islam, serta isu kemahiran bahasa Arab dalam aspek membaca, menulis, mendengar dan

bertutur yang berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi masih diperbincangkan. Justeru, perkara yang lebih membimbangkan lagi adalah apabila terdapat pelajar yang mempunyai latar belakang berpendidikan agama, namun mereka langsung tidak mampu membaca al-Quran dengan baik, apatah lagi untuk menguasai al-Quran. Perkara ini amat dibimbangi dan sudah pastinya menjadi satu kesedihan kepada pelajar kerana bukan sahaja untuk menguasai malah, mereka juga tidak berkebolehan untuk membaca al-Quran (Hasani Ghazali & Rosmawati Razak, 2023).

Menurut Hasani Ghazali & Rosmawati (2023), kemahiran pelajar sekolah rendah dan menengah terhadap tahap penguasaan al-Quran adalah masih di tahap yang lemah. Pelajar juga masih belum dapat menguasai tajwid, serta tidak dapat membaca al-Quran dengan lancar. Isu kelemahan dalam penguasaan al-Quran ini juga akan menyebabkan mereka tidak bersemangat dan berminat untuk memperjuangkan perkara tersebut (Norwardatun Mohamed Razali, 2021). Isu kelemahan dalam melafazkan huruf-huruf al-Quran secara sempurna dan tepat dilihat masih berlaku dalam kalangan pelajar dewasa di pusat-pusat pengajian al-Quran walaupun telah melalui bimbingan bacaan al-Quran untuk satu tempoh masa yang tertentu. Selain itu, didapati juga bahawa kemahiran bacaan al-Quran pada kebanyakan pelajar ketika berada di sekolah rendah dan menengah adalah lemah, yang mana mereka tidak dapat membaca al-Quran dengan baik sehingga masih wujud pelajar yang buta huruf.

Begitu juga dengan penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab, walaupun sebelum ini J-QAF telah dilaksanakan, namun masih terdapat juga pelajar yang lemah dalam penguasaan bacaan al-Quran. Di samping itu, para pelajar di Malaysia adalah bukan penutur jati bahasa Arab, kerana bahasa rasmi di Malaysia adalah bahasa Melayu. Perkara ini menyebabkan kemahiran menulis pelajar dalam bahasa Arab hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Kajian juga mendapati bahawa hanya sedikit pelajar yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar ketika komunikasi bersama guru di dalam kelas. Perkara ini menunjukkan bahawa, penggunaan bahasa Arab tidak berada pada tahap yang memuaskan dan membanggakan. Di samping itu, persekitaran sekolah yang tidak dibiasakan dengan pertuturan berbahasa Arab akan membantutkan peningkatan kemahiran sosial dalam penguasaan bahasa asing terhadap pelajar. Masalah ini secara tidak langsung akan menyebabkan KBD yang menjadikan bahasa Arab sebagai teras utama tidak dapat mencapai matlamat pengajaran yang hendak dicapai dengan sempurna (Sapie Sabilan et al., 2018, Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad, 2020, Harun Baharudin, Noorazi Rani & Fatin Hamimah Rosli, 2022).

Justeru, walaupun terdapat kajian yang mengatakan bahawa al-Quran dan bahasa Arab mempunyai hubungan yang sangat erat, namun terdapat kajian yang mengatakan bahawa masih terdapat pelajar yang walaupun mereka telah menguasai hafazan al-Quran, tetapi mereka masih tidak mampu untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Masalah ini dikatakan adalah disebabkan oleh para pelajar tidak mengaplikasikan hafazan al-Quran ke dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai pengetahuan sedia ada. Menurut Noor Effendi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2022), masih terdapat banyak kesalahan dan kelemahan yang dilakukan oleh murid dalam penguasaan dan kefahaman *mufradat* dalam surah al-Fatihah, kerana kurangnya keinginan mereka untuk menghafal ayat serta memahami makna surah tersebut. Oleh itu, masalah yang didapati dalam kalangan murid ini secara tidak langsung akan memberikan kesan negatif terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab, serta kesukaran mereka dalam memberikan makna yang betul terhadap satu-satu perkataan dalam bahasa Arab. Terdapat dalam kalangan pelajar tahfiz yang telah menghafaz sebahagian atau separuh al-Quran, tetapi masih terdapat kelemahan dalam penguasaan bahasa

Arab. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa antara faktor timbulnya isu tersebut adalah disebabkan oleh para pelajar kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat al-Quran.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap penguasaan pelajar berbangsa Dusun terhadap kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Ranau, Sabah.
2. Mengetahui tahap penguasaan pelajar berbangsa Dusun terhadap penguasaan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Ranau, Sabah.
3. Mengetahui hubungan antara tahap penguasaan al-Quran dengan pencapaian tahap penguasaan bahasa Arab pelajar berbangsa Dusun di Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Daerah Ranau, Sabah.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Data telah dikumpul dengan menggunakan instrumen soal selidik. Skala Likert 5 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar berbangsa Dusun di SMAIRA adalah seramai 126 orang dari tingkatan satu sehingga tingkatan 5. Namun dalam kajian ini, penyelidik hanya melibatkan semua pelajar dari tingkatan 3 dan tingkatan 4 yang berbangsa Dusun iaitu seramai 48 orang. Analisis deskriptif dan *inferensi* dilakukan menggunakan perisian SPSS versi 27.0. Statistik deskriptif yang digunakan ialah menggunakan dapatan min, sisihan piawai dan peratusan untuk menghurai demografi dan dapatan kajian. Statistik *inferensi* iaitu *kolerasi Pearson* turut digunakan untuk mengenal pasti hubungan pemboleh ubah yang dikaji iaitu tahap penguasaan al-Quran, dan pencapaian penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden. Semua dapatan dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dengan menggunakan kekerapan, peratus dan interpretasi skor min. Analisis deskriptif juga menggunakan interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap setuju yang tinggi dengan purata nilai min 3.67 hingga 5.00, tahap sederhana dengan purata nilai min 2.34 hingga 3.66 dan tahap rendah dengan purata nilai min 1.00 hingga 2.33. Purata nilai min dapat dilihat dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Interpretasi Skor Min

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
1.00 hingga 2.33	Tahap Rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap Tinggi

Dalam analisis inferensi data dianalisis secara ujian korelasi. Ia dijalankan bagi melihat hubungan yang signifikan ( $p < 0.01$ ) antara penguasaan al-Quran dengan penguasaan bahasa Arab Responden.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### (a) Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 48 orang responden. Analisis Jadual 2 menunjukkan responden pelajar perempuan melebihi jumlah responden lelaki iaitu seramai 30 orang pelajar perempuan (62.5%). Manakala, pelajar lelaki pula adalah seramai 18 orang dengan peratusan 37.5%. Responden dipilih daripada murid tingkatan 3 dan 4 yang berbangsa Dusun. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dengan peratusan 37.5% telah membaca sebahagian besar juzuk al-Quran iaitu dari juzuk 26 hingga juzuk 30. Sebaliknya, hanya 4.5% sahaja pelajar yang mempunyai kadar pembacaan al-Quran yang sedikit iaitu dari juzuk 1 sehingga juzuk 5. Justeru, kesemua pelajar dengan peratusan 100% mempercayai bahawa penguasaan mereka dalam kemahiran al-Quran akan memberi kesan terhadap penguasaan bahasa Arab.

**Jadual 2:** Latarbelakang Responden

No.	Item	Peratus
1.	Jantina:	
	Lelaki	37.5% (30)
	Perempuan	62.5% (18)
2.	Tingkatan:	
	Tingkatan 3	54.2
	Tingkatan 4	45.2
3.	Bilangan Juzuk Terbanyak Dibaca:	
	1-5 Juzuk	4.2%
	6-10 Juzuk	8.3%
	11-15 Juzuk	14.6%
	16-20 Juzuk	31.3%
	21-25 Juzuk	4.2%
	26-30 Juzuk	37.5%
4.	Pandangan terhadap penguasaan al-Quran memberi kesan terhadap penguasaan bahasa Arab:	
	Bersetuju	100%
	Tidak Bersetuju	0%

### (b) Tahap Penguasaan dan Kemahiran al-Quran Responden

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian mengenai tahap penguasaan dan kemahiran al-Quran responden. Purata min bagi konstruk ini di tahap tinggi iaitu 3.77 (tinggi = 3.67-5.00). Perkara ini dapat dilihat berdasarkan min item (B1) Saya mampu mengenal pasti *makhraj* huruf dengan baik semasa membaca al-Quran (min=4.25), item (B2) Saya mampu membaca al-Quran dengan *makhraj* yang betul (min=4.15), item (B3) Saya mampu membetulkan sebutan *makhraj* huruf rakan saya yang kurang tepat (min=3.90), item (B4) Saya mampu menyenaraikan lima kategori *makhraj* huruf yang utama (3.79), item (B5) Saya menguasai hukum tajwid dengan mudah, item (B6) Saya mampu membezakan antara *mad asli* dengan *mad badal* (min=3.88), item (B7) Saya selalu membetulkan bacaan tajwid rakan saya (min=3.65), item (B8) Saya sangat yakin bahawa *izhar syafawi* ialah bacaan yang dibaca tanpa dengung (min=3.85), item (B9) Saya mampu mengenal pasti hukum bacaan *idgham*, *ikhfa'*, dan *izhar* (min=3.94), item (B10) Saya mampu menterjemahkan ayat-ayat al-Quran dengan mudah, item (B11) mengingat terjemahan ayat al-Quran dengan mudah (min=3.44), item (B12) Saya mampu menulis semula ayat al-Quran dengan betul (min=3.52), item (B13) Saya mampu membetulkan penulisan ayat

al-Quran rakan saya yang kurang tepat (min=3.40), item (B14) Saya mampu menambah kosa kata bahasa Arab melalui kefahaman maksud ayat al-Quran (min=3.98), dan item (B15) Saya mampu mengenal pasti beberapa perkataan dalam al-Quran yang mempunyai pelbagai maksud (min=3.90).

**Jadual 3:** Tahap Penguasaan al-Quran

Bil	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
B1	Saya mampu mengenal pasti makhraj huruf dengan baik semasa membaca al-Quran	2 (4.2%)	0 (0.0%)	7 (14.6%)	14 (29.2%)	25 (52.1%)	4.25	1.00
B2	Saya mampu membaca al-Quran dengan makhraj yang betul	1 (4.2%)	0 (0.0%)	10 (20.8%)	27 (35.4%)	20 (41.7%)	4.15	.90
B3	Saya mampu membetulkan sebutan makhraj huruf rakan saya yang kurang tepat	2 (4.2%)	2 (4.2%)	11 (22.9%)	17 (35.4%)	16 (33.3%)	3.90	1.06
B4	Saya mampu menyenaraikan lima kategori makhraj huruf yang utama	3 (6.3%)	1 (2.1%)	12 (25.0%)	19 (39.6%)	13 (27.1%)	3.79	1.07
B5	Saya menguasai hukum tajwid dengan mudah	1 (2.1%)	2 (4.2%)	15 (31.3%)	22 (45.8%)	8 (16.7%)	3.71	.87
B6	Saya mampu membezakan antara mad asli dengan mad badal	2 (4.2%)	2 (4.2%)	12 (25.0%)	16 (33.3%)	16 (33.3%)	3.88	1.06
B7	Saya selalu membetulkan bacaan tajwid rakan saya	1 (2.1%)	5 (10.4%)	16 (33.3%)	14 (29.2%)	12 (25.0%)	3.65	1.04
B8	Saya sangat yakin bahawa Izhar Syafawi ialah bacaan yang dibaca tanpa dengung	1 (2.1%)	0 (0.0%)	21 (43.8%)	9 (18.8%)	17 (35.4%)	3.85	.99
B9	Saya mampu mengenal pasti hukum bacaan Idgham, Ikhfa, dan Izhar	2 (4.2%)	2 (4.2%)	9 (18.8%)	19 (39.6%)	16 (33.3%)	3.94	1.04
B10	Saya mampu menterjemahkan ayat-ayat al-Quran dengan mudah	2 (4.2%)	6 (12.5%)	25 (52.1%)	11 (22.9%)	4 (8.3%)	3.19	.92
B11	Saya mampu mengingat terjemahan ayat	0 (0.0%)	5 (10.4%)	21 (43.8%)	18 (37.5%)	4 (8.3%)	3.44	.80

*bersambung*

*Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Quran dan Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Dusun di Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Ranau, Sabah*

	al-Quran dengan mudah							
B12	Saya mampu menulis semula ayat al-Quran dengan betul	2 (4.2%)	2 (4.2%)	22 (45.8%)	13 (27.1%)	9 (18.8%)	3.52	.99
B13	Saya mampu membetulkan penulisan ayat al-Quran rakan saya yang kurang tepat	1 (2.1%)	6 (12.5%)	22 (45.8%)	11 (22.9%)	8 (16.7%)	3.40	.98
B14	Saya mampu menambah kosa kata bahasa Arab melalui kefahaman maksud ayat al-Quran	2 (4.2%)	3 (6.3%)	8 (16.7%)	16 (33.3%)	19 (39.6%)	3.98	1.10
B15	Saya mampu mengenal pasti beberapa perkataan dalam al-Quran yang mempunyai pelbagai maksud	3 (6.3%)	0 (0.0%)	12 (25.0%)	17 (35.4%)	16 (33.3%)	3.90	1.08

**Purata Min = 3.77**

(c) Tahap Penguasaan Bahasa Arab Responden

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian mengenai tahap penguasaan bahasa Arab responden. Purata min bagi konstruk ini di tahap sederhana iaitu 3.65 (sederhana = 2.34-3.66). Perkara ini dapat dilihat berdasarkan item (C1) Saya mampu menterjemah teks pendek bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru (min=3.83), item (C2) Saya memahami bacaan solat dengan baik (min=3.85), item (C3) Saya dapat mengenal pasti sinonim dan antonim dalam Bahasa Arab (3.69), item (C4) Saya mudah untuk menghafal kosa kata dalam bahasa Arab yang baru dijumpai (min=3.81), item (C5) Saya mampu memperkenalkan diri dalam bahasa Arab (min=4.21), item (C6) Saya mampu memahami penerangan yang disampaikan oleh guru dalam bahasa Arab dengan baik (min=3.56), item (C7) Saya mampu memahami bahan-bahan audio dalam bahasa Arab (min=3.19), item (C8) Saya selalu berkomunikasi dalam bahasa Arab di luar waktu sekolah (min=2.56), item (C9) Saya mampu membaca teks bahasa Arab dengan sebutan yang betul (min=3.90), item (C10) Saya mampu membaca teks bahasa Arab walaupun tanpa baris (min=3.46), item (C11) Saya mampu menulis perkataan bahasa Arab dengan ejaan yang tepat (min=3.81), item (C12) Saya mampu membina ayat lengkap dalam bahasa Arab (min=4.00), item (C13) Saya mampu menyenaraikan contoh *fi'il* dan *isim* dalam bahasa Arab (min=4.31), item (C14) Saya selalu berkomunikasi dalam bahasa Arab bersama rakan (min=2.96), dan item (C15) Saya mampu menjawab soalan guru dalam bahasa Arab (min=3.65). Dapatan ini menunjukkan item berkaitan dengan penguasaan komunikasi responden di tahap min rendah iaitu item (C8) dan (C14). Para pelajar tidak mengaplikasikan pertuturan dalam bahasa Arab ketika berada di luar waktu sekolah disebabkan mereka lebih cenderung untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka.



**Jadual 4:** Tahap Penguasaan bahasa Arab

Bil	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S. P
C1	Saya mampu menterjemah teks pendek bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru	2 (4.2%)	3 (6.3%)	13 (27.1%)	13 (27.1%)	17 (35.4%)	3.83	1.11
C2	Saya memahami bacaan solat dengan baik	2 (4.2%)	2 (4.2%)	10 (20.8%)	21 (43.8%)	13 (27.1%)	3.85	1.01
C3	Saya dapat mengenal pasti sinonim dan antonim dalam Bahasa Arab	1 (2.1%)	1 (2.1%)	19 (39.6%)	18 (37.5%)	9 (18.8%)	3.69	.88
C4	Saya mudah untuk menghafal kosa kata dalam bahasa Arab yang baru dijumpai	1 (2.1%)	0 (0.0%)	16 (33.3%)	21 (43.8%)	10 (20.8%)	3.81	.84
C5	Saya mampu memperkenalkan diri dalam bahasa Arab	2 (4.2%)	0 (0.0%)	6 (12.5%)	18 (37.5%)	22 (45.8%)	4.21	.97
C6	Saya mampu memahami penerangan yang disampaikan oleh guru dalam bahasa Arab dengan baik	2 (4.2%)	3 (6.3%)	16 (33.3%)	20 (41.7%)	7 (14.6%)	3.56	.97
C7	Saya mampu memahami bahan-bahan audio dalam bahasa Arab	2 (4.2%)	6 (12.5%)	25 (52.1%)	11 (22.9%)	4 (8.3%)	3.19	.91
C8	Saya selalu berkomunikasi dalam bahasa Arab di luar waktu sekolah	7 (14.6%)	17 (35.4%)	16 (33.3%)	6 (12.5%)	2 (4.2%)	2.56	1.03
C9	Saya mampu membaca teks bahasa Arab dengan sebutan yang betul	1 (2.1%)	1 (2.1%)	13 (27.1%)	20 (41.7%)	13 (27.1%)	3.90	.91
C10	Saya mampu membaca teks bahasa Arab walaupun tanpa baris	1 (2.1%)	3 (6.3%)	23 (47.9%)	15 (31.3%)	6 (12.5%)	3.46	.87
C11	Saya mampu menulis perkataan bahasa Arab dengan ejaan yang tepat	1 (2.1%)	0 (0.0%)	18 (37.5%)	17 (35.4%)	12 (25.0%)	3.81	.89

*bersambung*

*Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Quran dan Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Dusun di Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Ranau, Sabah*

C12	Saya mampu membina ayat lengkap dalam bahasa Arab	2 (4.2%)	1 (2.1%)	7 (14.6%)	23 (47.9%)	15 (31.3%)	4.00	.97
C13	Saya mampu menyenaraikan contoh <i>fi'il</i> dan <i>isim</i> dalam bahasa Arab	2 (4.2%)	0 (0.0%)	5 (10.4%)	15 (31.3%)	26 (54.2%)	4.31	.97
C14	Saya selalu berkomunikasi dalam bahasa Arab bersama rakan	7 (14.6%)	6 (12.5%)	21 (43.8%)	10 (20.8%)	4 (8.3%)	2.96	1.13
C15	Saya mampu menjawab soalan guru dalam bahasa Arab	2 (4.2%)	0 (0.0%)	20 (41.7%)	17 (35.4%)	9 (18.8%)	3.65	.93

**Purata min = 3.65**

(d) Hubungan antara Penguasaan Al-Quran dengan Penguasaan Bahasa Arab Responden

Analisis *inferensi* dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara penguasaan al-Quran Pelajar Aliran Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) terhadap pencapaian dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden tingkatan 3 dan 4 di Sekolah Menengah Agama al-Irsyadiah Ranau, Sabah. Analisis *kolerasi Pearson* menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ( $p < 0.01$ ) antara penguasaan al-Quran dengan penguasaan bahasa Arab responden, sepertimana dalam Jadual 5.

**Jadual 5:** Hubungan antara Penguasaan al-Quran dengan Penguasaan Bahasa Arab Responden

Pemboleh ubah	r	Sig.
Penguasaan al-Quran	0.93	0.01
Penguasaan Bahasa Arab		

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.01$

Berdasarkan Jadual 5, analisis *kolerasi Pearson* ( $r$ ) yang dijalankan bagi mengenal pasti hubungan penguasaan al-Quran responden terhadap pencapaian dan penguasaan bahasa Arab menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang sangat tinggi dengan skor ( $r=0.93$ ,  $p < 0.01$ ). Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan al-Quran dengan pencapaian dan penguasaan Bahasa Arab responden.

### Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa tahap penguasaan pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab murid berada pada tahap yang sederhana tinggi. Di samping itu, dapatan analisis membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara penguasaan pembelajaran al-Quran dan penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan langkah bagi mencapai hasil yang lebih baik dari sudut pengetahuan dan pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Dusun di Sabah. Contohnya adalah dengan melibatkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab. Penggunaan teknologi AI dapat membantu dalam mempercepat proses pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab dengan cara

yang lebih interaktif, mudah diakses, dan terjangkau. Kajian berkaitan pendidikan al-Quran dan bahasa Arab dapat diteruskan supaya segala permasalahan menghalang penghasilan murid yang berkefahaman agama dalam kalangan bangsa Dusun dapat diatasi sebaiknya dan pembangunan pendidikan al-Quran dan bahasa Arab dapat dipertingkatkan dengan langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian. Tuntasnya, sekolah yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua seperti SABK memainkan peranan penting dalam memelihara warisan al-Quran dan melahirkan pelajar yang mampu menguasai al-Quran dari segi bacaan, pemahaman dan hafazan, serta penguasaan bahasa Arab termasuklah dalam kalangan murid.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah serta pihak Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Ranau atas kebenaran yang diberikan untuk menjalankan kajian terhadap murid-murid. Segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan banyak membantu data kajian ini dikumpul dan dianalisis dengan sebaiknya. Tidak juga dilupakan jasa dan bantuan pihak Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memudahkan urusan dalam bentuk sokongan bertulis untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di sekolah yang terlibat.

## Rujukan

- Harun Baharudin, Fatin Hamimah Rosli & Noorazi Rani. (2022). Persekitaran Bahasa dan Keterlibatan Pelajar SABK Selangor Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Akademik*, 92, 151-162 <https://journalarticle.ukm.my/20812/1/59093-196303-1-PB.pdf>
- Hasani Ghazali & Rosmawati. (2023). Penguasaan Bacaan Al-Quran dan Cabarannya dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *International Conferences on Business Studies and Education*. 51-59. <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2023/06/7.pdf>
- Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna dan Penggunaannya. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 160-174. <http://journalarticle.ukm.my/15690/>
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawai Ismail, & Azmil Hashim. (2018). Persekitaran Bahasa Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 644-656. [https://www.researchgate.net/publication/336279060\\_Persekitaran\\_Bahasa\\_Arab\\_dalam\\_PelaksaPela\\_Kurikulum\\_Bersepadu\\_Dini\\_di\\_SABK](https://www.researchgate.net/publication/336279060_Persekitaran_Bahasa_Arab_dalam_PelaksaPela_Kurikulum_Bersepadu_Dini_di_SABK)
- Ku Fatahiyah Ku Azizan & Hanis Najwa Shahrudin. (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 16(2), 1-15. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1174>
- Minah Sintian (2013). Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Kadazandusun dalam Pemeliharaan Alam Sekitar. Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 18 Januari. 1-14. [https://www.researchgate.net/publication/272357429\\_Kepercayaan\\_dan\\_Amalan\\_Masyarakat\\_Kadazandusun\\_dalam\\_Pemeliharaan\\_Alam\\_Sekitar](https://www.researchgate.net/publication/272357429_Kepercayaan_dan_Amalan_Masyarakat_Kadazandusun_dalam_Pemeliharaan_Alam_Sekitar)
- Noor Effandi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2022). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab melalui Surah al-Fatihah. *Malaysia Journal of Sosial Sciences and Humanities*. 7(4). 2-9. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1418>

- Norwardatun Mohamed Razali. (2021). Kemahiran Membaca Al-Quran Secara Bertajwid di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Harian: Satu Tinjauan. *Proceedings of the 7<sup>th</sup> International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS*, Universiti Sains Islam Malaysia. October 6-7. <https://oarep.usim.edu.my/bitstreams/f91ed69f-f7f3-4d93-9f71-70f6a8e5ca63/download>
- Saini Ag. Damit, Noorafini kassim & Nor Ain Manap. (2016). Bahasa Arab dalam Ibadah: Satu Kajian Kefahaman Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), *Jurnal Pusat Panataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 24(1), 56-78.
- Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip & Mohamad Fuad Ishak. (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf. *Conference: International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016)*. 20 Mei Eagle Bay, Langkawi. [https://www.researchgate.net/publication/325194277\\_Analisis\\_Tahap\\_Penguasaan\\_Bacaan\\_Al-Quran\\_Murid\\_Tahun\\_5\\_Sekolah\\_Kebangsaan\\_Sungai\\_Karang\\_Berdasarkan\\_Model\\_Khatam\\_Al-Quran\\_Dan\\_Model\\_Tasmik\\_J-Qaf](https://www.researchgate.net/publication/325194277_Analisis_Tahap_Penguasaan_Bacaan_Al-Quran_Murid_Tahun_5_Sekolah_Kebangsaan_Sungai_Karang_Berdasarkan_Model_Khatam_Al-Quran_Dan_Model_Tasmik_J-Qaf)
- Syamsul Azizul Marinsah, Abdul Hair Beddu Asis, & Mohammad Firdaus Hasmin. (2022). Amalan Sogit dalam kalangan Masyarakat Dusun di Ranau, Sabah: Analisis dari Perspektif Sosiobudaya dan Hukum Islam. *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. Journal MANU*, 33(2), 105-128. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/2149/2675>
- Wiwin Dita Wahyu Triningsih. (2017). Bahasa Arab Bahasa al-Quran, *Jurnal Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Sorong*, (Sorong: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Sorong)